

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 3/1983

SEKATAN HAKMILIK BAGI TANAH-TANAH YANG TELAH DIBERI MILIK DI DALAM KAWASAN KAMPONG GUCHIL

Pada 16.10.1975 Majlis Mesyuarat Kerajaan telah menimbang Kertas Bil. 19/710/75(14) dan membuat keputusan sebagaimana berikut :-

- (i) Pemungut Hasil Tanah, Ulu Kelantan (sekarang ini Kuala Krai) telah diberi kuasa untuk melulus pindahmilik, gadaian atau lain-lain perkiraan tanah-tanah dalam kawasan Kampung Baru Guchil, Kuala Krai kepada Orang-Orang Melayu Anak Kelantan.
 - (ii) Sekiranya pindahmilik, gadaian atau lain-lain perkiraan kepada Orang-Orang Melayu Bukan Anak Kelantan atau Orang-Orang Bukan Melayu sama ada ianya Anak Kelantan atau tidak maka permohonan itu hendaklah diangkat bagi pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan.
2. Semenjak keputusan itu dibuat Pemungut Hasil Tanah, Kuala Krai telah meluluskan sebanyak 86 kes pindahmilik tanah-tanah dalam kawasan Kampung Baru Guchil. Pada suatu masa dahulu adalah diragui sama ada penurunan kuasa itu sah dari segi undang-undang kerana perkara itu tidak disiarkan di dalam Warta Kerajaan. Perkara itu telah dirujuk kepada Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan dan beliau telah memberi pendapat bahawa penurunan kuasa itu adalah sah kerana syarat-syarat kepentingan yang dikenakan itu hanyalah sebahagian dari proses pemberian milik tanah dengan tertakluk kepada dasar Kerajaan pada masa itu.
3. Pada masa ini semua permohonan untuk pindahmilik tanah-tanah dalam Kampung Baru Guchil telahpun diangkat untuk kelulusan YAB. Dato' Menteri Besar dan Pemungut Hasil Tanah, Kuala Krai semenjak 8.3.1978 telahpun memberhenti menjalankan kuasa yang diberikan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 16.10.1975 itu.

4. Dengan perantaraan arahan ini adalah dimaklumkan bahawa kuasa yang diberi kepada Pemungut Hasil Tanah, Kuala Krai pada 16.10.1975 itu sekarang ini telahpun luput mulai 8.3.1978.
5. Perkara ini tidak berbangkit di dalam jajahan lain dan arahan ini dikeluarkan juga kepada Pemungut Hasil Tanah lain untuk makluman mereka itu.

Sekian.

t.t
(**MD.HUSSAIN BIN HASSAN**)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN,
KOTA BHARU.**

FAIL : [P.T.G.(KN.) 8860/JLD.2/(18)]

BERTARIKH : 27HB. JANUARI, 1983

Kepada :-

Semua Pemungut Hasil Tanah,
Kelantan.

Salinan Kepada:-

1. YAB. Dato' Menteri Besar,
Kelantan,
KOTA BHARU.
2. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan,
Kelantan,
KOTA BHARU.